

Headline **Mybats Camp tingkat kesedaran terhadap kelawar**
Date **26 Sep 2011**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **7**
Article Size **517 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **10,218**
PRValue **30,654**



Mybats Camp tingkat kesedaran terhadap kelawar

JIKA melentur buluh biarlah dari rebunginya, pepatah ini amat tepat jika kita mahu generasi masa kini menghargai khazanah flora dan fauna di negara ini.

Pada usia muda, minda mereka masih belum terisi dengan pelbagai masalah kehidupan, memudahkan minat di dalam diri dapat bercambah dan berkembang dengan baik.

Justeru, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dengan Kerjasama Kementerian Pelajaran (KPM) bersama beberapa lagi agensi kerajaan dan Badan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) telah mengadakan program *MyBats Camp 2011*.

Kem yang disertai hampir 80 orang pelajar dari sekolah sekitar Kuala Lumpur dan daerah Pahang tersebut adalah sempena sambutan tahun Kelawar 2011-2012 yang disambut di seluruh dunia.

Menurut Timbalan Ketua Setiausaha Dua, NRE, **Dr. Che' Abdul Rahim Nik**, program tersebut merupakan usaha Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) untuk menekankan kepentingan kelawar.

"Kelawar memainkan peranan penting dalam mengekalkan ekosistem yang sihat dan ekonomi manusia dalam alam sekitar yang global.

"Program ini juga merupakan kesinambungan daripada program yang telah diadakan di Zoo Negara pada awal tahun lalu," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika

merasmikan program *MyBats Camp 2011* yang diadakan di Institut Biodiversiti, PERHILITAN, Lanchang, Pahang baru-baru ini.

Jelas beliau lagi, program seumpama itu mampu meningkatkan kesedaran orang awam tentang kepentingan kelawar kepada alam sekitar.

Sementara itu, Ketua Pengarah PERHILITAN, Datuk Abdul Rasid Samsudin berkata, populasi kelawar semakin menurun sejak beberapa dekad kebelakangan ini.

"Ia amat membimbangkan para penyelidik kerana spesies-spesies kelawar yang terancam dianggarkan bakal pupus seawal tahun 2015 jika tiada sebarang usaha dilakukan," ujarnya.

Antara aktiviti utama yang diadakan di dalam program tersebut adalah menangkap kelawar untuk tujuan pengecaman dan pengumpulan data.

Peserta juga diberi peluang memasang perangkap kelawar iaitu jaring kabut (mist net) untuk menangkap kelawar pemakan buah yang bersaiz besar.

Manakala perangkap 'harp' digunakan untuk memerangkap kelawar pemakan serangga yang lebih kecil.

Kedua-dua perangkap tersebut dipasang pada sebelah petang dan diperiksa pada waktu malam dan pagi keesokan harinya.

Peserta turut didedahkan cara mengenal pasti spesies, jantina, usia kelawar dan cara merekodkan data.

Malah setiap kelawar yang

ditangkap akan ditanda (tagging) menggunakan alatan khas pada sayapnya dan sampel DNA

(Deoxyribonucleic acid) kelawar tersebut akan diambil untuk tujuan mengenal pasti spesies baru.

Bersama bantuan pengkaji dari Institut Kajian Perhutanan (FRIM) mereka juga turut didedahkan dengan cara menentukan plot kajian kelawar di rezab tersebut.

Menurut pelajar tahun empat dari Sekolah Kebangsaan Taman Melawati 2, Selangor, **Tengku Nur Iffah Tengku Fadhil Hisham**, banyak perkara berkenaan kelawar diperolehi olehnya melalui kem tersebut.

"Sebelum ini saya hanya mengetahui kelawar merupakan haiwan yang menakutkan.

"Namun ia bukanlah seperti yang saya bayangkan, sebenarnya kelawar adalah haiwan yang sangat comel dan pemalu," katanya.

Pelajar tingkatan empat, Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) Temerloh, Pahang, **Muhammad Ikhwan Mohd. Zain** berpendapat, program sedemikian perlu diteruskan pada masa akan datang.

"Orang ramai perlu diberikan peluang untuk mengenali kelawar serta mengetahui betapa pentingnya haiwan ini kepada ekosistem alam sekitar kita," katanya.

Malah jelas guru Sekolah Menengah Abu Bakar, Temerloh, Pahang, **Mohd. Jefrizal Abdul Aziz**, para peserta menunjukkan minat yang mendalam semasa menjalani sebarang aktiviti yang diadakan.

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

Mybats Camp tingkat kesedaran terhadap kelawar
26 Sep 2011
Utusan Malaysia
Supplement
N/A
Daily
197,952 / 833,287

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue

Malay
7
517 cm²
Full Color
10,218
30,654



DR. CHE' ABDUL RAHIM NIK



MOHD. JEFRIZAL ABDUL AZIZ



MUHAMMAD IKHWAN MOHD. ZAIN